



TEAM SOROT
FAIRUZ JUMAIN,
RIDUAN ASHAHA
JANATUL FIRDAUS

DIPERDAYA HARGA RUMAH MURAH

SIRI 1

Mengimpikan kediaman sendiri namun tekanan kos sara hidup mengakibatkan ramai di antara kita mudah terpedaya dengan tawaran harga rumah murah sehingga ada yang tidak masuk akal. Dengan harga serendah RM45,000, kita mula terpengaruh dan sanggup mengeluarkan wang simpanan walaupun jauh di sudut hati, wujud perasaan curiga. "Saya yakin tidak kena tipu, mereka boleh buat rumah semurah itu." Itu kata-kata untuk memujuk hati sendiri apabila menyerahkan sebahagian wang dengan harapan menggunung.

Namun, apa yang dicurigi benar-benar terjadi, wang yang dilaburkan hangus. Apabila diperiksa, bukan hanya kita, tetapi ratusan lagi turut menjadi mangsa penipuan rumah. Kenapa ia terus berlaku walaupun pihak berwajib sudah berkali-kali memberi amaran dan menasihatkan pembeli supaya memeriksa status pemaju terlebih dahulu?

Kes terbaru yang tular di laman sosial sehingga menyebabkan pemiliknya ditahan untuk siasatan benar-benar membuka mata masyarakat. Ramai mula sedar hak pengguna dan ini sesuatu yang positif dengan harapan tiada lagi isu penipuan berlaku pada masa depan.

Ikuti laporan Sorot minggu ini mengenai isu rumah murah.

TERPEDAYA dengan karakter warak pemaju dan tawaran pakej Islamik sebuah syarikat pemaju perumahan yang kononnya berteraskan Islam membuatkan beratus mangsa merana menanggung beban hutang.

Seorang penjawat awam yang hanya mahu dikenali sebagai Sarina Salim, 34, berkongsi kisah hitamnya yang kerugian sebanyak RM44,500 iaitu sebahagian daripada harga penuh banglo setingkat iaitu RM89,000.

"Kami dijanjikan seunit banglo berharga RM89,000 di satu kawasan perumahan di Salak Tinggi, Selangor. Harga yang ditawarkan pemaju kononnya nak tolong orang Islam.

"Nasib baik juga lah saya kurang mampu untuk bayar penuh, jadi saya bayar separuh dulu dan rumah dikatakan akan siap dibina dalam tempoh enam tahun. Namun sehingga kini bayang tiang pun tak ada.

"Paling kasihan mangsa yang sanggup mengeluarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan juga buat pinjaman peribadi. Kini mereka merempat, duit untuk simpanan masa depan anak-anak tergedal. Maklumlah kebanyakan yang beli ni orang kurang kemampuan," katanya kepada Sinar Harian.

Menurut Sarina lagi setakat pengetahuannya, seramai 180 mangsa terjerat dalam skim rumah murah ini.

'Tawar harga banglo tidak masuk akal'

"Dalam grup WhatsApp kami bersama pemaju ada 180 orang, bayangkan setiap orang bayar RM89,000 total dah lebih RM16 juta duit simpanan hangus di seleweng pemaju. Namun dikatakan lebih 500 orang telah terpedaya.

"Kami yang kini berstatus mangsa, lembut hati untuk beli rumah dengan syarikat perumahan ini sebab terpedaya dengan imej 'suci'nya."

"Dengan menggunakan imej Islam, dia promosi untuk hantar pembeli mengerjakan umrah percuma, elau bulan-bulan sebanyak RM500 kepada pembeli yang buat bayaran penuh dan RM250 kepada bayar separuh sehingga rumah siap dibina, seminar solat serta hantar guru mengaji di rumah. Dia juga ada buka pusat tahfiz

al-Quran. Ini yang kukuhkan keyakinan kami untuk beli rumah dengan syarikatnya," luarnya.

Tambahnya lagi, imej soleh itu membuatkan pembeli tidak sangka ia satu sindiket penipuan terancang.

"Apabila kami makinya di grup WhatsApp dia maki semula, dulu sebelum dapat duit cakap baik, janji manis. Khabarnya pemaju penipu ini masih belum ditahan, masih kebal imunya," katanya.

Sarna berkata, dia kini reda meskipun wajib membayar pinjaman bank setiap bulan tetapi tiada harapan mengahuni rumah impiannya.

"Jangantah terjerat dengan skim rumah mampu milik tidak masuk akal ini. Saya pun akan buat laporan polis dan bawa kes ini kepada Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) walaupun lipis untuk kami dapat wang itu semula," ujarnya.

Pasukan khas siasat kes tipu skim rumah mampu milik

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menubuhkan pasukan khas bagi menyiasat dakwaan kes penipuan berkaitan skim perumahan mampu milik.

Menterinya, Tan Sri Noh Omar berkata, pasukan khas ini melibatkan KPKT, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan juga badan NGO yang memperjuangkan nasib mangsa penipuan sindiket rumah murah ini.

"KPKT memandang serius dakwaan tersebut selepas syarikat terlibat tidak

berdaftar dan tiada kelulusan KPKT. Maklumat sedang dikumpul berkaitan ramal yang dakwa mereka tertipu dengan skim perumahan mampu milik. Mungkin syarikat itu buat sebagai kontraktor, bukan pemaju.

"Kita tidak mahu usaha kerajaan mengumumkan satu juta rumah mampu milik menjelang 2018 gagal kerana ada pihak ambil kesempatan. Memang digalakkan bantu kerajaan untuk tujuan itu tapi syarat-syarat dan undang-undang mesti dipatuhi," katanya.

Selain itu, Noh meminta mangsa terlibat tampil membuat laporan supaya

langkah boleh diambil.

"Apabila dapat maklumat lengkap saya yakin tindakan dapat diambil. Sudah tentu ia akan dinilai dari dua aspek sama ada undang-undang jenayah atau sivil dan setakat ini, ada dua syarikat dikenal pasti terlibat dalam pembinaan rumah kos murah," katanya.

Bellau berkata, sebarang aduan boleh dikemukakan ke Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara di talian 03-8891 4355/03-8891 4356 atau membuat semakan maklumat pemaju dengan melayari laman web iaitu <http://e/home.kpkt.gov.my>.

